

09 AUG 1996

Pengajian

TOKOH TERAJUI KERUSI PENGAJIAN MELAYU DILANTIK TIDAK LAMA LAGI

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Kementerian Pendidikan dijangka mengumumkan pelantikan tokoh yang akan menerajui Kerusi Pengajian Melayu di Universiti Victoria di Wellington, New Zealand tidak lama lagi.

Menteri berkenaan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata tokoh itu bukan sahaja perlu mempunyai kebolehan daripada segi pengetahuan tetapi juga seseorang yang mampu mengetengahkan Malaysia di New Zealand dengan berkesan.

"Kita sudah mengenalpasti tokoh yang kita fikir layak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pesta Pendidikan New Zealand 1996 di sini.

Katanya skop pengajian Melayu yang akan ditonjolkan kelak lebih bersifat memandang ke depan dengan memberi gambaran tentang kemajuan pembangunan di Malaysia dan aspek-aspek lain seperti politik dan bahasa.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan kerusi itu - yang pertama bagi rantau Australia-New Zealand dan ketiga seumpamanya di dunia - dalam kunjungannya ke New Zealand Mac lalu.

Dua lagi universiti mempunyai program yang sama ialah Universiti Ohio di Amerika Syarikat dan Universiti Leiden di Belanda.

Kerusi di Universiti Victoria itu diwujudkan menerusi pembiayaan kerajaan Malaysia dan New Zealand serta sumbangan swasta.

Najib turut mengulas laporan akhbar hari ini berhubung kejadian seorang pengawas yang dipukul dua pelajar tingkatan tiga di sebuah sekolah di Terengganu kerana enggan membelikan rokok untuk mereka.

Katanya: "Saya minta semua pihak berkenaan terutama sekolah dan pentadbiran peringkat daerah supaya memberikan tumpuan terhadap masalah ini (disiplin) serta bertindak cepat dan tegas.

"Kita sudah mempunyai peraturan yang cukup tetapi soalnya sekarang ialah penguatkuasaan dan ketegasan."

Sebanyak 24 wakil institusi pendidikan New Zealand termasuk enam universiti, lapan politeknik dan 11 sekolah menengah menyertai pameran tiga hari itu yang sebelum ini diadakan di Kota Kinabalu, Kuching dan Johor Baharu.

Ia bertujuan menarik lebih ramai pelajar Malaysia untuk melanjutkan pelajaran ke New Zealand. -- BERNAMA

MAM RON